

MEMPERKUKUH PERANAN BAHASA MELAYU SEBAGAI PENGHELA DAN WAHANA SENI

Suip bin Haji Abd. Wahab
Sharyanty binti Haji Md. Sharif
(Brunei Darussalam)

Abstrak

Sastera adalah salah satu cabang seni sama ada dalam bentuk seni tulisan mahupun seni lisan yang berbentuk pengucapan. Keterikatan hubungan seni sastera dengan bahasa saling berkait dalam membentuk sebuah karya. Ini bererti, bahasa Melayu sudah tentu mempunyai suatu keistimewaan dan kekuatan yang mampu menempatkan dirinya berperanan sebagai penghela dan menjadi wahana seni sastera. Apakah keistimewaan dan kekuatan bahasa Melayu terhadap seni sastera Melayu? Bahasa memperindah karya-karya sastera. Dalam keindahan itu terangkum kehalusan, keharmonian, dan unsur puitika bahasa yang menjadi rujukan keindahan sebuah karya. Bahasa Melayu sememangnya kaya dengan warisan bahasa yang bersifat indah dan sangat berharga. Bahasa digunakan oleh penutur dan masyarakat untuk menyampaikan buah fikiran, perasaan, pesanan dan ajaran mereka dalam bentuk seni sastera yang begitu menarik. Karya sastera Melayu jelas menunjukkan ketinggian ilmu masyarakat Melayu dahulu mengeksploitasikan penggunaan bahasa secara keseluruhan dalam kehidupan seharian mereka. Kebijaksanaan dan ketinggian ilmu pengetahuan masyarakat Melayu dalam mengadaptasi atmosfera kehidupan ke bentuk seni sastera yang masih akses ke generasi kini. Pembudayaan seni sastera Melayu di pentas global dalam bentuk lisan dan tulisan merupakan upaya memperkukuh bahasa Melayu. Penggunaan syair, pantun, seloka, tamsil ibarat, dalam seni pengucapan membuktikan upaya pengukuhan bahasa Melayu.

1. Pendahuluan

Tajuk ini begitu besar dan luas untuk dibicarakan serta cukup menarik untuk diperbincangkan. Terutama mengenai peranan bahasa sebagai alat komunikasi apabila dikaitkan dengan bidang seni. Hakikatnya, bidang seni itu luas melibatkan ujaran (*verbal*), tulisan (*writing*), cetakan (*printing*), teks elektronik (*electronic texts*) malah tanda atau simbol, *gesture* dan material.

2. SENI

Kesenian memerlukan bahasasebagai alat komunikasi dan berinteraksi. Justeru, terdapat pelbagai seni seperti: seni rupa, seni tari, seni suara, seni pahat, seni kata dan sebagainya.¹ Karya sastera adalah salah satu karya seni. Korpus karya sastera sahaja

¹Dalam ilmu estetik seni rupa bagi hal-hal yang dapat dilihat; karya seni lukis biasanya mengandungi gambar yang berwujud pemandangan, potret diri, atau dekorasi; karya seni tari boleh terwujud tari samalindang, tari adai-adai dan sebagainya; karya seni musik boleh terwujud simfoni, trio, kuartet dan sebagainya; karya senisastera boleh tampil dalam wujud syair, pantun, novel, cerpen dan sebagainya (Djelantik 2008: 19-20).



memiliki pelbagai bentuk. Tetapi secara umumnya terbahagi kepada dua bahagian iaitu prosa dan puisi. Apabila kedua-dua bahagian ini diperbincangkan secara struktur masa, setentunya karya sastera itu melibatkan period tertentu dan secara konvensional ada sastera moden dan sastera tradisi.² Kemudian, wujud pertalian pemikiran dan budaya apabila membicarakan kedua-dua bentuk sasteraini,³ kerana pada tahap sastera tradisi, masyarakatnya hidup dalam kesederhanaan dan buta huruf. Mereka belum mengenal aksara. Komunikasi tertumpu pada lisan sahaja. Walaupun dalam keadaan buta huruf, mereka masih mampu menghasilkan karya yang bersifat kolektif. Antaranya pantun, mantera, cerita rakyat, nyanyian rakyat, nyanyian kanak-kanak dan sebagainya.

Sesudah mengenal tulisan, masyarakat tradisi ini mula berkarya dengan cara menyalin, memindah, menterjemah, menyadur karya sastera lisan dan karya yang datang dari Arab dan Parsi. Pada akhirnya, mereka mula menulis dengan menggunakan tulisan Jawi yang dipinjam daripada huruf Arab dengan penyesuaian dan tambahan. Justeru itu, terkaranglah hikayat Melayu yang terkenal seperti *Sejarah Melayu* atau *Sulalatus Salatin*.

Kedatangan orang Barat pada abad ke-19 merubah kehidupan masyarakat Melayu. Salah satu daripadanya memperkenalkan mesin cetak. Abdullah Munsyi adalah orang Melayu pertama yang mahir dalam menggunakannya. Dengan kemahiran ini, beliau mengambil kesempatan mengarang beberapa buah buku yang dianggap luar biasa kerana menggunakan cetakan mesin, dan sehingga kini beliau dinobatkan sebagai 'Bapa Kesusasteraan Moden' (lihat: Ismail Hussien, 1974).

Kertas kerja ini akan memfokuskan tentang seni pengucapan (*verbal arts*). Sebagai karya seni, bahasa yang digunakan tidak terbatas kepada bahasa baku atau tata-bahasanya sahaja untuk menentukan sifat gramatisnya. Ini bukan bermakna bahasa yang digunakan itu secara bebas dan tidak sempurna. Karya seni itu memerlukan unsur-unsur keindahan. Justeru itu, bahasa perlu mengikut ukuran-ukuran prinsip keindahan yang dikehendaki supaya tidak merosakkan bahasa.

3. PENGGUNAAN BAHASA DALAM KARYA SASTERA SEBAGAI KARYA SENI

Bahasa berperanan penting dalam karya seni. Bahasa mempunyai variasi tersendiri, seperti dialek bahasa, bahasa pasar, bahasa dalam atau istana, bahasa akademik sehingga membawa bahasa sastera yang disebut sebagai stilistik. Dalam

²Annas Haji Ahmad menggunakan Sastera Lama dan Baru bagi membincangkan kedua-dua bentuk sastera ini. Pelbagai istilah yang dikemukakan untuk membatasi kedua-dua bentuk sastera yang terwujud dalam sastera Melayu umpamanya Kesusasteraan Melayu Tradisional, Kesusasteraan Melayu Klasik, Kesusasteraan Melayu Moden dan sebagainya.

³Umumnya evolusi pemikiran budaya masyarakat Melayu bermula dari tahap sederhana dan buta huruf. Komunikasinya tergantung pada tradisi lisan. Diikuti dengan kedatangan agama Islam yang membawa ketamadunan tinggi bagi masyarakat Melayu dengan munculnya budaya tulisan sehingga memiliki aksaranya sendiri daripada huruf Arab dengan penyesuaian dan tambahan sedikit dikenali sebagai tulisan Jawi. Kedatangan Inggeris atau orang Barat pada abad ke-19 membawa satu lagi fenomena baru iaitu mesin cetak. Akhirnya, paling terkini manusia bersandarkan kepada media elektronik yang lebih cepat, pintar dan mudah.



menggunakan tatabahasa pada karya seni diberi 'pengecualian' yang disebut sebagai lesen poetik (*poeticslicence*) kerana banyak unsur yang bergabung dalam membina sesebuah karya sastera. Sebagai contoh: dalam sebuah ayat yang gramatis perlu ada subjek dan predikat, tetapi ini tidak semestinya berlaku pada puisi Melayu umpamanya pantun dan sajak.

a. Pantun

Contoh:

*Lumut Lunting Pulau Barambang,
Tempat bersarang burung jelatuk;
Seperti sirih pulang ke gagang,
Umpama pinang mulih ke tampuk.*

(Dr. Haji Hashim, 1994: 2)

Pantun Brunei ini, setiap baris memiliki kekurangan untuk dijadikan ayat yang lengkap seperti sistem dalam tatabahasa, sebuah ayat akan lengkap dan gramatis dengan adanya subjek dan predikat. Dalam baris pertama hanya ada subjek. Bentuknya akan lengkap jika disatukan dengan baris kedua yang menceritakan kedua-dua tempat iaitu Lumut Lunting dan Pulau Barambang tempat burung jelatuk bersarang. Kemudian, baris ketiga yang mengungkapkan 'seperti sirih pulang ke gagang, dari segi semantik ayat ini memang tidak gramatis kerana kata kerja tidak dapat ditemukan dengan kata nama. Sirih bukannya manusia yang pandai pulang. 'Pulang' dalam konteks ini bersifat kiasan atau hiperbola. Ini sama berlaku dengan bait terakhir 'umpama pinang mulih ke tampuk'. 'Pinang' bukannya benda bernyawa, penggunaan istilah 'mulih'/'pulang' hanya sesuai untuk benda yang bernyawa sahaja.

Sungguhpun demikian, bahasa yang digunakan dalam pantun masih mampu memainkan peranannya dan menyampaikan suatu pemikiran yang bernilai murni tertakluk kepada tema dan mesej yang dibawahnya.

... Kita sering mendengar orang berkata, pantun ialah manifestasi pemikiran manusia Melayu silam. Itu benar kerana pantun sebagai karya sastera merupakan pelahiran langsung daripada pemikiran manusia yang amat jernih sekali menjelmakan pemikiran yang amat arif bijaksana dan tajam yang lahir daripada pengamatan mata yang peka dan rinci. Malah, pantun bukan sahaja menjadi cermin untuk kita membaca minda Melayu, tetapi sama seperti bentuk-bentuk sastera yang lain, pantun menjadi cermin kepada seluruh adab kehidupan manusia silam, termasuk persekitaraan...

(Noriah Taslim, 2010: 62)

Semua ini akan dapat dicapai melalui mekanisme penyampaian iaitu bahasa. Pantun diciptadengan nilai-nilai keindahan atau puitika yang tertumpu kepada



penggunaan bahasa dalam pilihan kata atau diksi, pengulangan bunyi (anafora dan epifora), bahasa kiasan dan perlambangan. Bahasa memperlihatkan kepentingan dalam mencipta pantun yang digarap oleh penciptanya yang memiliki kearifan lokal (*local genius*). Sebagai bentuk puisi yang wujud dalam situasi kelisanan, pantun memanifestasikan pemikiran, norma (*oral noetics*) dan puitika lisan (Noriah Taslim, 2010: 47). Oleh itu, semua ini hanya akan tercapai melalui komunikasi bahasa.

Dalam pantun tersebut di atas, frasa yang dibina tidak lengkap untuk dijadikan ayat. Ungkapan dalam pantun kadang hanya mengandungi predikat atau cerita. Keadaan seperti ini sering berlaku. Bolehkah dihukum bahasa dalam pantun ini tidak gramatis dan tidak mengikut sistem tatabahasa?, sedangkan pantun dianggap sebagai milik asli lagi tulen dan indah bagi masyarakat Melayu yang mengandungi nilai dan falsafah yang tinggi.

... Sebagai hasil kreatif manusia Melayu terawal, pantun ialah khazanah silam yang amat bernilai bukan sahaja daripada segi nilai sasteranya tetapi juga nilai dokumentarinya. Pantun membawa bersama-samanya seluruh perwatakan dan perwatakan tamadun Melayu silam, termasuk pemikiran, pandangan alam, adab, adat, dan segala rencah budaya leluhur yang halus dan tinggi. Seluruh rencah warisan inilah yang menjadi dasar untuk pembentukan tamadun dan budaya hari ini, mengarah manusia kini untuk mentertibkan seluruh kehidupan, memantapkan identiti diri, terutama di tengah-tengah budaya kosmopolitan dan arus globalisasi. Yang amat jelas, pantun ialah satu bentuk ucapan bangsa...

(Noriah Taslim, 2010: 63)

Kemampuan bahasa dalam menghela dan membawa pemikiran bijaksana melalui pantun sebagai karya seni telah dipersoalkan. Memperbincangkan bahasa dalam pantun ini mungkin ramai yang menuding jari kepada sasterawan atau pengkarya 'menyelewengkan' bahasa. Akan tetapi perlu dinilai kembali tanggapan sedemikian kerana wujud sastera apabila seseorang pandai berbahasa. Bahasa banyak membantu kewujudan atau pengkaryaan sekaligus membentuk sahsiah manusia.

Pantun yang wujud dalam dunia kelisanan tanpa ada alat perakam umpamanya tulisan yang membolehkan keupayaan manusia untuk menyimpan dan kemudiannya mengingat balik maklumat kerana agak terbatas (Noriah Taslim, 2010: 50). Menurut Noriah lagi,

... Oleh itu untuk menjadikan sebarang komunikasi maklumat itu berkesan, mudah disimpan dan diingat balik, manusia pratulisan perlu memanfaatkan teknologi ujaran yang dapat menyediakannya dengan bentuk linguistik atau bahasa yang mudah dihafal, diingat balik dan disampaikan. Oleh sebab



sebarang komunikasi bersifat dua hala, maka bentuk linguistik tersebut juga harus digarap oleh pendengar...
(Noriah Taslim, 2010: 50).

Pantun mempunyai cara pengucapan, nada dan irama tersendiri walupuntiada iringan alat muzik tradisi. Cara menyampai atau mengungkapkan pantun perlu mengikut tema dan jenis pantun agar fungsinya jelas dan sampai kepada khalayak (lawan berbicara atau *verbal combat*). Sebagai contoh, *Pantun Kasih Mesra* setentunya diungkapkan dengan nada yang mendayu-dayu dan memujuk sehingga memberi kesan emosi yang bersifat romantis. Berbeza pula dalam keadaan marah dan dendam. Pantun jenis ini bersifat keras dan adakalanya kasar pilihan katanya sehingga membawa kepada lontaran suara ketika mengungkapkan pantun jenis ini.⁴

Istimewanya pantun ini bersifat 'persaingan ujaran' (*verbal combat*). Selain mempunyai struktur baris atau rangkap pembayang dan maksud. Sifat *verbal combat* inilebih dikenali sebagai 'berbalas pantun'. Justeru, sifat dan suasana agonistik ini mewujudkan hiburan yang meriah, dan berkembang menjadi bentuk-bentuk hiburan yang lain seperti mukun, dondang, joget dan sebagainya.

b. Mantera

Mantera umumnya semua jenis pengucapan dalam bentuk puisi atau prosa, yang mengandungi tujuan dan konotasi magis, pengubatan dan jenis pengucapan yang sama fungsinya seperti jampi, serapah, tawar, sembut, cuaca, puja, seru, tangkal dan lain-lain (Harun Mat Piah, 1989: 479). Mantera diamalkan oleh golongan profesional umpamanya dukun atau paranormal. Ada juga yang bersifat semiprofesional iaitu hanya berkebolehan pada satu-satu bidang sahaja atau tidak begitu serius menjadikannyasebagai profesi tetap. Golongan biasa atau amatir pula, yangbaru berjinak-jinak dengan ilmu magis hanya tahu sedikit mantera sebagai penggunaan hal-hal kebiasaan sahaja.

Mantera berbeza pengucapannya dengan bentuk sastera lisan yang lain. Sekalipun unsur pantunkadang mengisi teks mantera itu. Mantera menggunakan bahasa magis untuk berfungsi. Kuasa magis memerlukan bahasadalam mengamalkan mantera. Pengucapan mantera juga berbeza dari penggunaan bahasa tertakluk kepada tujuannya. Umpamanya perubatan, pengasih, pelibas atau mengelak daripada gangguan orang halus dan manusia yang jahat dan sebagainya. Justeru, bahasa dan pengucapannya perlu serasi untuk menjadikan bahasa itu memiliki kuasa magis dan seterusnya mencapai tujuan-tujuan tertentu. Contoh:

Tawar Pugai

⁴ Menurut Haji Hashim (1994) unsur sukut dalam pantun amat penting. Jika unsur sukut pembayangnya baik maka maksud pantun itu juga baik.



*Hai Dang Siti Hawa
Aku tahu asal mulamu jadi
Dari tulang rusuk nabi Adam sebelah kiri
Jika engkau suka sapukan ke mukamu
Jika engkau antara sapukan ke dadamu
Jika engkau benci sapukan ke kakimu
Wahai malaikat empat penjuru alam
Angkattah lakas-lakas.*

(Haji Hashim, 1994: 19)

Menurut Malinowski (1968) berdasarkan amalan magis dalam kalangan masyarakat Trobriand, kemujaraban upacara tetap dimunculkan melalui bahasa. Hal ini sama berlaku dengan masyarakat Melayu silam. Dalam sesebuah upacara atau ritual, kekuatannya terletak kepada kata. Ini dinyatakan oleh Firth (1963), Tambiah (1968) dan Watson dan Eleen (1993) (dalam Noriah Taslim, 2010: 78):

Pengamal ritual – *shaman*, dukun, pawang dan sepelenggaraannya meyakini bahawa kekuatan magis dalam ritual pembomohan atau penyihiran adalah terletak pada kata.

Kenyataan demi kenyataan tentang kuasa bahasa dalam mantera memperkukuhkan lagi peranan bahasa untuk menyampaikan sesuatu tujuan. Oleh sebab itu, pilihan diksi atau kata, susunan kata, bunyi kata, simbol-simbol umpamanya amat penting disatukan dengan ujarannya nanti. Maka, bahasa menjadi bunyi atau kata mempunyai kuasa spiritual, mistik, dan ghaib yang secara popular disebut magis atau sihir (Noriah Taslim, 2010: 75).

Selain mantera berdiri sebagai bentuk sastera lisan khususnya puisi,ianya juga digunakan dalam prosa naratif tradisional. Dalam cerita rakyat, sering wira dibantu oleh watak nenek kebayan yang memiliki kuasa magis melalui mantera. Begitu juga wira yang terdapat dalam cerita penglipur lara dibantu dengan ucapan mantera untuk tujuan tertentu dalam perjalanan cerita tersebut.

... Kepercayaan tentang wujudnya magis ini dapat dibuktikan melalui cerita rakyat hampir di seluruh dunia. Teks lisan daripada genre yang pelbagai sering memperincikan dengan ghairah sekali peristiwa magis yang muncul untuk membantu wira semasa dalam ancaman; tentang kuasa kreatif magis yang dapat menampilkan seluruh negeri yang lengkap dengan rakyat. Kota dan paritnya, tentang objek dan senjata sakti yang dapat mengubah rupa manusia, menewaskan musuh, malah seluruh alam sendiri dapat disihirkan, digantung pergerakan waktunya oleh magis. Dalam cerita tersebut magis dihela dan dilontarkan melalui kata-kata seruan (*spell* atau mantera) yang khusus (disebut *verbal magic*), melalui perlakuan dan



objek (disebut *material magic*), yakni semua unsur yang membina sesuatu ritual atau upacara. ...

(Noriah Taslim, 2010:76:77)

Bahasa dan kuasa magis ini secara tidak langsung melibatkan keseluruhan aspek. Aspek kitaran kehidupan manusia, dan persekitaraan yang mencakupi alam semesta, alam ghaib, dunia binatang, dunia tumbuh-tumbuhan, dunia laut dan lautan, serta dunia peredaran waktu. Oleh itu, terdapatnya mantera seperti Tawar Ketaguran, Tawar Untuk Buaya, Alat Bubu, Pengasih, Tawar Orang Tinggi, Tawar Pelibas Tawar Sakit Perut/Demam dan lain-lain, Memerdukan Suara, Pantan Luka, Tawar Pugai, Pelembut Beruang, Memberi Beruang Garang, Pembukam Buaya, Menimbulkan Buaya, dan Mengukur Senjata (Haji Hashim, 1994: 15-20). Dalam konteks Brunei jenis-jenis mantera ini disebut sebagai *tawar* dan *baca-bacaan*.

c. Sajak

Peralihan zaman atau peningkatan budaya Melayu daripada tradisi lisan ke budaya tulisan seterusnya percetakan memberi batasan wujudnya sastera tradisi dan sastera moden. Pelbagai perspektif mengenai ada jurang batasan ini dan salah satu ialah apabila munculnya mesin cetak sebagai salah satu unsurnya. Ini mengaitkan dengan zaman kehidupan dan kegemilangan Munshi Abdullah, dan kedatangan orang Barat di rantau ini. Salah satu genre terbesar dalam sastera moden ialah sajak. Sajak adalah bentuk puisi tetapi dikategorikan sebagai puisi moden. Namun penciptaan sajak memerlukan bahasa yang amat minimal⁵ untuk menyampaikan suatu perutusan dan pemikiran.

Teratai

Daun-daun yang lebar
mengapung di permukaan kali
merakusi sinar mentari.

Teratai di permukaan kali
angkuh dengan keanggunan
bunga-bunga indah mempesona
sedangkan puncak pucuknya
tak mencecah awan
Dan akarnya pun
Tak mencecah bumi

Universiti Brunei Darussalam, 16 Jun 1994
(Mahmudamit, 2010: 29)

Malam Lebaran

⁵ Memang terdapat masakini sajak-sajak yang bersifat prosa. Walau bagaimanapun, masih juga berpegang kepada konsep minimal bahasa dalam karya sajak kalau tidak karya itu tergolong dalam cerpen atau novellette.



Bulan di atas Kuburan

(Karya Sitor Situmorang)

Terdapat karya sajak yang lebih ekstrim sehingga menggunakan unsur bahasa yang paling kecil iaitu bunyi. Wajarkah sajak yang terbinahasil daripada bunyi ini dianggap satu kecacatan dalam bahasa atau sastera?. Unsur bunyi yang digunakan untuk membentuk sajak yang meminta pemikiran khalayak lebih mendalam bagi mengupas perutusan dan pemikiran yang terkandung dalam sajak sedemikian. Sungguhpun menggunakan unsur bunyi sahaja namun daya kreatif dapat membantu kerealistikannya malah menguja pemikiran kita sesuai dengan yang diungkapkan oleh Shahnnon Ahmad, bahawa sastera ini hanya untuk orang yang mahu berfikir. Justeru, sajak-sajak begini bagi mereka yang tidak mahu berfikir akan terlepas daripada penambahan ilmu.

Belajar Membaca

*kakiku luka
luka kakiku
kakikau lukakah
lukakah kakikau
kalau kakikau luka
lukakukah kakikau
kakiku luka
lukakaukah kakiku
kalau lukaku lukakau
kakiku kakikaukah
kakikaukah kakiku
kakiku luka kaku
kalau lukaku lukakau
lukakakukakiku lukakakukakikaukah
lukakakukakikaukah lukakakukakiku*

(dikutip dari O AMUK KAPAK, 2002: 109)

Gak-gak-gak



gagak-
 gagak bukan berlagak
 gagak jiwa mereka menggelegak
 hidupkan api
 api kehidupan segar
 nikmat sepi
 sepi yang tidak mati-mati
 gagak
 gagak
 gagak
 gagak
 (A. Ghafar Ibrahim, 1986:)

Ada juga penyair yang kembali kepada yang asal. Para penyair moden yang menggunakan bentuk dan unsur tradisional seperti: pantun, syair dan mantera. Paling menarik ialah karya sajak dalam bentuk mantera dengan menggunakan kuasa magis bahasanya. Kali ini tujuannya memang berbeza dengan mantera dalam masyarakat Melayu silam bagi tujuan perubatan, pengelakkan, dan sebagainya. Tujuannya sekarang lebih kepada mengisi keperluan teknik dan gaya pengkaryaan. Kekuatan bahasa dalam sajak berbentuk mantera ini akan lebih utuh apabila diujarkan dalam bentuk pengucapan seni.

*Heyyyyyyy...
 Bismillah
 pembuka kata, pembangkit tuah
 pemungkam kata, penyangga mara
 heyyyyyyy...
 jadikan kami bangsa pemikir
 yang tahu cara berfikir
 yang mahu menggunakan otak fikir
 nah! Kataku jadi
 jadilah
 untukmu bangsaku
 yang tidak fakir...
 JADILAHHHHHHHHHHHHHHHHHHHHHHHH*

Bibliografi



- A. Ghafar Ibrahim, 1986. *Yang Yang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Branginsky, V.I., 1994. *Erti Keindahan dan Keindahan Erti dalam Kesusasteraan Melayu Klasik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dr. Haji Hashim bin Haji Abd. Hamid, 2001. *Lanang Beladu Lanang: Penghantar dan Koleksi Pantun Brunei*. Brunei: Universiti Brunei Darussalam.
- Harun Mat Piah, 1989. *Puisi Melayu Tradisional: Satu Perbicaraan Genre dan Fungsi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ismail Hussein, 1974. *The Study of Traditional Malay Literature with a Selected Bibliography*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lutfi Abas, 1995. *Kritikan Karya Sastera sebagai Karya Seni*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mahmuddmit, 2010. *Kumpulan Puisi Sepi di Tengah Kota*. Brunei: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Haji Salleh, 2000. *Puitika Sastera Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noriah Taslim, 2010. *Lisan dan Tulisan: Teks dan Budaya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nurfik Brunei, 2008. *Kumpulan Puisi Heyyyyyyy...* Brunei: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Rahman Shaari, 1993. *Memahami Gaya Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sutardji Calzoum Bachri, 1981. *O Amuk Kapak: Tiga Kumpulan Sajak*. Jakarta: Penerbit Sinar Harapan.
- Zakaria Ali, 1989. *Seni dan Seniman*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

